

**The Sarawak Museum Journal****Vol. XLVII No. 68****December 1997****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Wajidi Kerni. (1997). Pengembangan Nilai Budaya Melayu untuk Pengurusan Moden. *The Sarawak Museum Journal*, XLVII (68): 77-106

## **PENGEMBELANG NILAI BUDAYA MELAYU UNTUK PENGURUSAN MODEN**

**Wajidi Kerni**

### **PENGENALAN**

Dalam zaman yang makin mencabar ahli-ahli akademik dan pengurus sentiasa mencari sistem pengurusan yang paling berkesan dan licin untuk menangani perubahan-perubahan yang ada di dalam persekitaran dunia perniagaan dan juga pertadbiran sektor awam. Berbagai-bagai teori motivasi dan kepimpinan telah diketengahkan untuk menyelesaikan masalah pengurusan masa kini. Gelagat manusia sentiasa dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dalam media massa (elektronik dan cetak), kecanggihan teknologi komputer dan alat-alat komunikasi. Oleh itu aspirasi pengurus-pengurus untuk mempunyai sistem pengurusan yang lebih unggul dan cemerlang (excellence) makin meningkat demi untuk menjadi pemimpin/pengurus yang boleh dicontohi oleh rakan-rakan sebidang denganannya. Di dalam mencari jalan penyelesaian untuk memantapkan pengurusan moden ramai pengkaji-pengkaji barat dan timur telah memperakui bahawa nilai budaya kerja sesuatu organisasi yang akan menentukan kejayaan organisasi itu untuk bersaing. Apabila disebutkan berkenaan dengan budaya kerja atau budaya korporat (Corporate Culture) kita akan berbalik kepada perkara-perkara asas (the basics), seperti pepatah Melayu: "Kalau sesat di tengah jalan, baliklah ke pangkal jalan". Apa yang dimaksudkan "dipangkal jalan" ialah perkara-perkara asas iaitu budaya masyarakat atau bangsa itu. Budayalah yang akan mencorak cara hidup dan kerja harian sesuatu masyarakat atau bangsa. Jadi salah satu daripada akar umbi yang penting untuk menentukan kejayaan dan kemajuan sesuatu organisasi ialah budaya kerjanya yang mana boleh dipertingkatkan dengan penerapan nilai-nilai yang positif dari bangsa atau masyarakat.

# PENGEMBLENGAN NILAI BUDAYA MELAYU UNTUK PENGURUSAN MODEN

oleh

Wajidi Kerni

## 1. Pengenalan

Dalam zaman yang makin mencabar ahli-ahli akademik dan pengurus sentiasa mencari sistem pengurusan yang paling berkesan dan licin untuk menangani perubahan-perubahan yang ada di dalam persekitaran dunia perniagaan dan juga pertadbiran sektor awam. Berbagai-bagai teori motivasi dan kepimpinan telah diketengahkan untuk menyelesaikan masalah pengurusan masa kini. Gelagat manusia sentiasa dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dalam media massa (elektronik dan cetak), kecanggihan teknologi komputer dan alat-alat komunikasi. Oleh itu aspirasi pengurus-pengurus untuk mempunyai sistem pengurusan yang lebih unggul dan cemerlang (*excellence*) makin meningkat demi untuk menjadi pemimpin/pengurus yang boleh dicontohi oleh rakan-rakan sebidang dengannya. Di dalam mencari jalan penyelesaian untuk memantapkan pengurusan moden ramai pengkaji-pengkaji barat dan timur telah memperakui bahawa *nilai budaya kerja* sesuatu organisasi yang akan menentukan kejayaan organisasi itu untuk bersaing. Apabila disebutkan berkenaan dengan budaya kerja atau budaya korporat (*Corporate Culture*) kita akan berbalik kepada perkara-perkara asas (*the basics*), seperti pepatah Melayu: “Kalau sesat di tengah jalan, baliklah ke pangkal jalan”. Apa yang dimaksudkan “dipangkal jalan” ialah perkara-perkara asas iaitu budaya masyarakat atau bangsa itu. Budayalah yang akan mencorak cara hidup dan kerja harian sesuatu masyarakat atau bangsa. Jadi salah satu daripada akar umbi yang penting untuk menentukan kejayaan dan kemajuan sesuatu organisasi ialah budaya kerjanya yang mana boleh dipertingkatkan dengan penerapan nilai-nilai yang positif dari bangsa atau masyarakat.

Tujuan kertas seminar ini adalah:

- (i) Untuk menerokai (*explore*) kemungkinan dan kepastian yang nilai budaya Melayu perlu diterapkan di dalam sistem pengurusan moden untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kelincinan perjalanan sesebuah organisasi terutama di Malaysia ini.
- (ii) Seterusnya kertas ini juga mencadang dan mengenalpasti beberapa aspek nilai budaya Melayu yang boleh diamalkan untuk

memantapkan sistem pengurusan moden. Ini tidak bermakna apa yang dicadangkan dalam kertas ini adalah satu senarai yang lengkap tetapi ini adalah sebahagian daripada apa yang dapat diketengahkan buat masa kini.

- (iii) Adalah harapan besar bagi kertas ini untuk memberikan peluang kepada peserta seminar ini untuk menambahkan lagi aspek-aspek yang tidak disebutkan di dalam kertas seminar ini.
- (iv) Mencadangkan satu resolusi untuk menerapkan nilai budaya Melayu dalam pengurusan awam di negeri Sarawak.

Sebelum kertas ini mengorak langkah lebih jauh biarlah diterangkan di sini susunan perbincangan yang akan menyusul selepas teks pengenalan ini supaya kertas ini mudah difahami dan diteliti nanti. Di bahagian 2 akan dibincangkan satu teori universal yang menunjukkan interaksi beberapa faktor di dalam mengukuhkan budaya di dalam sesuatu masyarakat. Selepas itu bahagian 3 akan membuktikan betapa pentingnya budaya di dalam pengurusan hingga melahirkan suatu stil pengurusan yang lebih berkesan contohnya stil pengurusan Jepun.

Bahagian 4 akan membincang beberapa aspek nilai-nilai murni budaya Melayu yang boleh diterapkan dalam pengurusan moden. Rumusan dan resolusi kertas ini akan diketengahkan di bahagian terakhir iaitu bahagian ke-5.

## *2. Teori Universal Pengukuhan Budaya Dalam Sesuatu Masyarakat*

Memang tidak dapat dinafikan bahawa budaya adalah satu faktor utama yang akan mencorakkan tamadun sesuatu masyarakat atau bangsa. Budaya akan menentukan cara mana struktur-struktur institusi kekeluargaan, pendidikan, agama, politik, perundangan dan lain-lain lagi akan dibentuk. Seterusnya budaya akan mempengaruhi fungsi-fungsi institusi-institusi yang tersebut di atas. Ini adalah satu tanggapan universal seperti diketengahkan oleh Hofstede (1981), dan di bawah ini ditunjukkan *gambar rajah 1*, iaitu hasil daripada adaptasi teori Hofstede (1981).

Di sini diterangkan secara ringkas bagaimana dinamiknya proses pengukuhan budaya dalam sesuatu masyarakat itu berlaku.

Perkara yang menjadi fokus terpenting dalam carta aliran gambar rajah 1 ialah *Budaya Masyarakat*, yang mana dipengaruh oleh *Pengaruh Luaran* yang berpunca daripada dua sumber iaitu:

- (i) Daya berunsur semulajadi, dan
- (ii) Daya berpunca dari perbuatan manusia.